



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 5 (57)  
Tarikh: 12 September 2018

**Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 7 TAHUN 2018**

**KEMASUKAN MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) [SJK(C)] DAN  
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) [SJK(T)] KE SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN TANPA MELALUI KELAS PERALIHAN BAGI SESI PERSEKOLAHAN  
TAHUN 2019**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan kemasukan murid dari SJK(C) dan SJK(T) ke Tingkatan Satu tanpa melalui Kelas Peralihan bagi sesi persekolahan tahun 2019.

2. Pelaksanaan kemasukan murid ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 2.1 Dilahirkan pada tahun 2006 atau 2007 (lahir pada 1 Januari) atau kemasukan berdasarkan surat siaran bertarikh 5 Mac 2003, Kelonggaran Syarat Kemasukan Kanak-kanak Di Bawah Umur Ke Tahun 1.
  - 2.2 Telah mengambil peperiksaan UPSR pada tahun 2018 dan;
    - 2.2.1 mencapai tahap minimum Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 011 dan 012; atau

2.2.2 mencapai tahap minimum Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 021 dan 022; atau

2.2.3. mencapai tahap minimum Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas 031 dan 032.

3. Murid yang tidak menepati syarat di para 2.2 boleh membuat rayuan dengan syarat mencapai tahap minimum Gred D bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) di **Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6)**.

4. Bagi melaksanakan urusan kemasukan murid ke Tingkatan Satu tanpa melalui Kelas Peralihan, semua sekolah rendah yang berkenaan dikehendaki menubuhkan **Jawatankuasa Kemasukan Murid Ke Tingkatan Satu Tanpa Melalui Kelas Peralihan (Peringkat Sekolah)** yang dianggotai oleh:

Pengerusi : Guru Besar  
Setiausaha : Guru Penolong Kanan Pentadbiran  
Ahli Jawatankuasa : i. Ketua Panitia Bahasa Melayu  
ii. Dua orang Guru Bahasa Melayu

4.1 Tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

4.1.1 Bertanggungjawab melaksanakan pengurusan kemasukan murid ke Tingkatan Satu berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan di Para 2 dan 3.

4.1.2 Menyenaraikan nama murid yang layak ke Tingkatan Satu dan menghantar senarai nama tersebut kepada pejabat pendidikan daerah (PPD) / jabatan pendidikan negeri (JPN) masing-masing dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan UPSR diumumkan untuk mendapat kelulusan dan perakuan (Sila gunakan Lampiran A yang disertakan).

5. Syarat-syarat di para 2 dan 3 adalah muktamad dan **gred mata pelajaran lain tidak diambil kira** dalam membuat keputusan.

6. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN, PPD dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(HAJI AMINUDIN BIN ADAM)**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan – timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan – timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang – undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA MURID DARI SJK(C) / SJK(T) YANG LAYAK KE TINGKATAN SATU  
TANPA MELALUI KELAS PERALIHAN SESI PERSEKOLAHAN 2019

PENGARAH PENDIDIKAN\* / PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH : .....

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI / PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH : .....

NAMA SEKOLAH : .....

BIL.	NAMA MURID	TARIKH LAHIR	NO. SURAT BERANAK	KEPUTUSAN BAHASA MELAYU UPSR 2018				PENILAIAN KURIKULUM BERASASKAN SEKOLAH (PKBS)						CATATAN				
				011	012	021/ 031	022/ 032	PENULISAN			PERTUTURAN							
				GRE	GRE	GRE	GRE	THN.4	THN.5	THN.6	THN.4	THN.5	THN.6					

\* Bagi negeri yang tidak mempunyai pejabat pendidikan daerah

**KAMI MEMPERAKUI MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR**

1. KETUA PANITIA BAHASA MELAYU:

TANDATANGAN: .....

NAMA: .....

3. GURU BESAR:

TANDATANGAN:.....

NAMA: .....

COP SEKOLAH: .....

2. GURU PENOLONG KANAN PENTADBIRAN:

TANDATANGAN: .....

NAMA: .....